

NOTIS TENDER

CADANGAN PEMBAHARUAN PENYELENGGARAAN DAN SOKONGAN PERKAKASAN BAGI 'SERVER' DAN 'BACKUP APPLIANCE' DI PUSAT DATA PNB

1. PNB mempelawa syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkelayakan untuk menyertai tender bagi kerja yang dinyatakan dan memenuhi kriteria-kriteria berikut:

KRITERIA MANDATORI

- i. Syarikat hendaklah diperbadankan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia dengan kod bidang dan sub bidang yang berkaitan dengan Skop Kerja tender.
- ii. Syarikat hendaklah mempunyai modal berbayar minimum sebanyak RM1,000,000.00.
- iii. Syarikat hendaklah memiliki pengalaman dan kepakaran berkaitan Skop Kerja tender atau yang berkaitan dalam tempoh tiga (3) tahun ke belakang.
- iv. Syarikat hendaklah sekurang-kurangnya merupakan Rakan Kongsi Berdaftar Lenovo, Exagrid and Oracle Malaysia.

2. Skop Kerja adalah merangkumi, tetapi tidak terhad kepada perkara-perkara yang dinyatakan dibawah, dan tertakluk kepada perubahan:

SKOP KERJA

- I. Pembaharuan penyelenggaraan dan sokongan Prinsipal bagi perkakasan 'server' dan 'backup appliance' di Pusat Data PNB.

3. **PENDAFTARAN HASRAT**

Petender yang ingin menyertai tender **WAJIB** menyatakan hasrat melalui emel ke najib@pnb.com.my dan procurement@pnb.com.my dengan menyatakan juga nombor ID Ariba Network (ANID) PNB bermula pada **2 SEPTEMBER 2025 sehingga 10 SEPTEMBER 2025, pada atau sebelum jam 5.00 petang**. Manakala mana-mana syarikat yang belum berdaftar dalam sistem SAP Ariba PNB perlu berbuat demikian. Semua pendaftaran syarikat dalam SAP Ariba PNB boleh dibuat di laman mikro Perolehan PNB di <https://www.pnb.com.my/ms/e-perolehan-ms> atau www.pnb.com.my.

4. **TAKLIMAT TENDER**

Hanya syarikat yang berjaya menghantar emel dan mendaftarkan syarikat mereka dalam sistem SAP Ariba PNB mengikut syarat ditetapkan layak dijemput untuk taklimat tender. **KEHADIRAN DALAM TAKLIMAT TENDER SECARA VIRTUAL adalah MANDATORI**. PNB berhak menolak penyertaan tender sekiranya gagal hadir dalam taklimat tender.

5. **PENYERAHAN TENDER MELALUI SISTEM SAP ARIBA PNB**

Semua maklumat dan proses tender (jemputan tender, dokumen tender dan penyerahan dokumen tender) termasuk tarikh tutup serahan tender adalah menggunakan sistem SAP Ariba PNB. Hanya syarikat yang berdaftar dengan sistem ini serta menghadiri taklimat dan mengikut syarat ditetapkan adalah layak untuk menyertai tender.

6. PNB berhak untuk menerima atau menolak sebarang permohonan dan membatalkan proses tender ini serta menolak semua permohonan tanpa sebarang liabiliti atau tanggungjawab untuk memaklumkan tindakan yang sedemikian kepada syarikat yang terlibat. Hanya syarikat yang berjaya sahaja akan dimaklumkan.
7. PNB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan yang ditanggung oleh para petender ketika menyediakan dan menyempurnakan dokumen tender ini. Syarikat Bumiputera digalakkan memohon.
8. Petender juga boleh merujuk kepada laman web PNB di www.pnb.com.my berkaitan maklumat iklan tender ini.